

72.

SOALAN NO: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang diambil untuk membantu pekerja-pekerja di sektor *oil* dan gas yang diberhentikan.

PR-1361-T01904

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja (JTK) jumlah pemberhentian pekerja dalam Industri Minyak dan Gas, iaitu sub-sektor kepada sektor Perlombongan dan Pengkuarian, mencatatkan jumlah pemberhentian pekerja seramai 129 orang dalam bulan Januari 2018.
2. Kementerian Sumber Manusia (KSM), melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu para pencari kerja bagi mendapatkan pekerjaan di negara ini termasuklah di kalangan para pekerja yang diberhentikan di sektor minyak dan gas yang terkesan daripada senario pemberhentian dalam sektor ini secara global.
3. Bagi membantu pekerja yang diberhentikan dalam sektor minyak dan gas tersebut, Pihak Kementerian Sumber Manusia telah bekerjasama dengan Kementerian Kewangan melalui agensi terlibat yang turut menganjurkan Program *JobFair@UTC* yang diadakan sebanyak 2 program pada tahun 2017. Ianya diteruskan melalui penganjuran *JobFair@UTC* 4.0 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 3 Mac 2018, dan melibatkan sebanyak 12 UTC Negeri dan 3 Pusat *JobsMalaysia* di seluruh Negara. Melalui program ini, ia telah

74

memberikan impak yang positif dalam menyampaikan perkhidmatan pekerjaan yang berkualiti kepada rakyat melalui penubuhan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh Negara. Melalui medium seperti ini juga pekerja yang diberhentikan dalam sektor minyak dan gas diberi peluang untuk menghadiri temuduga terbuka yang diadakan di seluruh Negara.

4. Kementerian juga telah mengambil langkah yang proaktif dengan menubuhkan Pusat Sehati Perkhidmatan Pekerjaan Kebangsaan di semua UTC Negeri di mana Pusat *JobsMalaysia* beroperasi. Bagi tujuan ini, Agensi seperti Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), TERAJU, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan PERKESO turut memberikan perkhidmatan setempat kepada golongan sasaran iaitu pencari kerja.

5. Antara program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran Karnival Pekerjaan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di seluruh negara dan untuk tahun 2017 sebanyak 91 buah program Karnival Pekerjaan telah diadakan.

6. Manakala pada tahun 2018, kementerian mensasarkan untuk menganjurkan sebanyak 100 buah program Karnival Pekerjaan di seluruh Negara yang meliputi peringkat daerah, negeri dan nasional. Pelbagai program yang bermanfaat dan berfaedah turut dilaksanakan semasa program karnival tersebut berlangsung. Ini termasuk Program Penyesuaian Kerjaya (2PK) di mana beberapa

modul yang relevan kepada bakal para pencari kerja dan graduan telah diperkenalkan seperti Ujian Personaliti, *Tips* Menghadiri Temuduga, Penulisan Resume, Pengurusan Kewangan dan Pembangunan Kerjaya (Ceramah Kerjaya, Klinik Kerjaya, Ikon Kerjaya). Program ini dilaksanakan di setiap Program Karnival Kerjaya anjuran JTK peringkat negeri dan daerah.

7. Di bawah PERKESO, pekerja di sektor minyak dan gas yang diberhentikan akan mendapat perlindungan di bawah Skim Insurans Pekerjaan (SIP) jika penamatannya ada diperuntukkan di bawah Seksyen 30(1) Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017. Kerajaan telah memperuntukkan geran permulaan berjumlah RM122 juta untuk bayaran interim RM600 sebulan selama 3 bulan kepada semua pekerja yang hilang pekerjaan mulai Januari 2018. Untuk makluman Dewan yang Mulia, sehingga 31 Januari 2018 bayaran interim telah diluluskan kepada 274 orang daripada 383 orang yang hilang pekerjaan. Bagi sektor minyak dan gas pula seramai 15 orang pekerja telah diluluskan untuk bayaran bantuan interim.

8. Di samping itu, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan ialah melalui penubuhan Pusat Operasi Pemantuan Pemberhentian Pekerja (POPPK) Peringkat Negeri untuk memastikan semua pekerja yang diberhentikan mendapat pampasan yang sewajarnya termasuk bayaran-bayaran lain mengikut undang-undang seperti baki gaji

76

terakhir, bayaran ganti notis, bayaran ganti cuti tahunan dan sebagainya sekiranya mereka layak.

9. *Rescue Team* yang bergerak di bawah pusat operasi tersebut diwakili oleh Jabatan dan agensi di bawah kementerian bagi menangani isu-isu penempatan pekerja-pekerja ke industri yang bersesuaian serta menyelaraskan latihan-latihan kemahiran baru mengikut keperluan majikan yang menawarkan kekosongan jawatan melalui *JobsMalaysia Centre* (JMC).

10. Selain itu, Kementerian turut menubuhkan *1Malaysia Outplacement Centre* (1MOC) melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bagi membantu pekerja yang dihentikan kerja, khususnya pekerja majikan yang diliputi di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah perkhidmatan maklumat portal dan aplikasi suai padan pekerjaan, kaunseling, latihan dan penempatan pekerjaan.